

# UMS sukar dilupakan kakitangan UKM Bangi

UM 2.10.2013 30

KOTA KINABALU 1 Okt. - Menjejakkan kaki ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan kenangan yang sukar dilupakan oleh ahli Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia (Kesukma) UKM.

Kunjungan peserta lawatan yang diketuai oleh Presidennya, Abdul Rahman Mohd. Nordin ke UMS menjadi acara terakhir dalam siri Program Transformasi 1Malaysia universiti tersebut.

Abdul Rahman berkata, hampir semua peserta delegasi yang menyertai rombongan ke UMS kali ini baru pertama kali ke Sabah.

"Saya berharap, semua peserta mengambil peluang seperti ini untuk menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan yang memang sukar didapati di Semenanjung mahu pun di UKM sendiri," katanya di sini baru-baru ini.

Malah, katanya, hubungan dalam kalangan ahli jawatankuasa Kesukma UKM dan Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KeKaumas) memang sangat rapat.

Sementara itu, Bendahari Kesukma, Nazri Daud pula berkata, hubungan UKM dan UMS amat dekat antara satu sama lain semenjak ditubuhkan walaupun dipisahkan oleh Laut China Selatan.

"Kami mengucapkan tahniah kepada UMS khususnya kepada kepimpinan Kesatuan dan ahli jawatankuasa kesatuan serta semua staf UMS yang terlibat dalam menjayakan program Transformasi 1Malaysia di Sabah," ujarnya.

Dalam lawatan itu, peserta delegasi dibawa melawat Akuarium di Institut Penyelidikan Borneo selepas menikmati keindahan Jeti UMS.

Peserta, Mohamad Hamid Hassan berkata, pemandangan di sekitar kawasan kampus UMS memang indah dan sangat cantik ditambah dengan lokasinya berhampiran dengan pantai.

"Tidak rugi datang ke Sabah dan UMS kerana boleh merehatkan minda yang selama ini hanya berkisar di kawasan sendiri dan pejabat, dapat menghilangkan tekanan suasana kerja," ujarnya.